

Cagamas terbit bon RM1.04 billion

Oleh SHAFIQAH SHUKOR
shafiqah.shukor@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Perbadanan gadai janji nasional, Cagamas Berhad (Cagamas) mengumumkan terbitan tiga jenis bon dan sukuk dengan nilai agregat RM1.045 bilion.

Ia merangkumi RM345 juta bagi Kertas Komersial Islam (ICP) 3 bulan, Kertas Komersial Konvensional (CCP) 3 bulan bernilai RM300 juta dan Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) tiga tahun bernilai RM400 juta.

Cagamas dalam satu kenyataan berkata, hasil daripada terbitan berkenaan akan digunakan untuk membiayai pembelian dan pinjaman perumahan daripada sistem kewangan.

Presiden dan Ketua Peg-



wai Eksekutif Cagamas, Datuk Chung Chee Leong berkata,

“ Kami teruja dengan sokongan tinggi, terbukti oleh sambutan luar biasa nisbah bidaan kepada terbitan (BTC) sebanyak 2.26 kali.”

CHUNG CHEE LEONG

pihaknya berbesar hati dengan kejayaan syarikat memuktama-

dkan terbitan tersebut yang disokong oleh permintaan menggalakkan daripada para pelabur.

“Kami teruja dengan sokongan tinggi, terbukti oleh sambutan luar biasa nisbah bidaan kepada terbitan (BTC) sebanyak 2.26 kali.

“Ia membolehkan syarikat menentukan kadar hasil IMTN daripada garis panduan harga awal 2.85 peratus kepada 2.78 peratus, dan mencatatkan tebaran 42 mata asas (bps) berbanding Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII),” katanya dalam kenyataan.

Jelasnya, kedua-dua ICP dan CCP ditetapkan pada Kadar Tarawar Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) 3 bulan ditambah 5bps, atau bersamaan 1.99 pera-

tus berdasarkan tetapan KLIBOR.

Menurut Chung, itu juga 19 bps lebih besar berbanding Bil Perbendaharaan Islam Malaysia atau Bil Perbendaharaan Malaysia.

Jumlah terbitan baharu itu membawa nilai terkumpul terbitan Cagamas bagi tahun ini mencecah RM4.4 bilion.

Kertas yang akan ditebus semula pada nilai nominal penuh setelah mencapai tahap matang itu, merupakan tanggungan yang tidak dijamin oleh syarikat, kadar setara atau pari passu dan semua tanggungan tidak terjamin oleh syarikat yang sedia ada.

Ia akan disenaraikan dan didagangkan di bawah Sistem Dagangan Sekuriti Scripless.